

**Gerakan minta UMNO ketua BN jadi parti pelbagai kaum
Utusan Online
22 May, 2013**

KUALA LUMPUR 22 Mei - UMNO sebagai parti komponen terbesar dalam Barisan Nasional (BN) diminta mengetuai usaha menjadikan BN sebagai parti pelbagai kaum.

Pemangku Presiden Gerakan, Datuk Chang Ko Youn berkata, usaha itu perlu kerana pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) menunjukkan pengundi bandar dan pengundi muda tidak lagi mengundi berdasarkan kaum.

"Pengundi di bandar dan pengundi muda telah pun melepasi sempadan kaum dan ia menjadi trend masa kini.

"Untuk BN terus melangkah ke hadapan, kita tidak boleh lagi bertahan kepada cara lama iaitu sokongan berasaskan kaum terhadap parti masing-masing," kata Ko Youn dalam sidang akhbar di Menara PGRM, Jalan Cheras di sini hari ini.

Jelasnya, UMNO telahpun mula menjadi parti bukan untuk Melayu sahaja apabila membuka keahlian kepada bumiputera bukan Melayu di Sabah dan Semenanjung.

Beliau turut meminta parti komponen yang lain seperti MIC dan MCA membuka pintu kepada semua kaum, sekali gus menjadikan BN sebagai parti pelbagai kaum.

Katanya, Gerakan dan MCA dua tahun lalu telah memulakan perbincangan untuk bergabung, namun perlembagaan MCA yang menekankan keahlian kaum Cina menghalang kepada penggabungan tersebut.

"Penggabungan Parti Progresif Rakyat (PPP) dengan Gerakan lebih mudah kerana Perlembagaan adalah sama. Kita tidak ragu UMNO boleh memulakan langkah menjadikan BN parti pelbagai kaum," kata Ko Youn.

Jelasnya, pada masa kini, parti komponen BN perlu memikirkan kelangsungan BN dan bukannya kedudukan dalam parti masing-masing.

Turut hadir pada sidang akhbar itu Naib Presiden Gerakan, A. Kohilan Pillay dan pemangku Setiausaha Agung Gerakan, Datuk Mah Siew Keong. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20130522/po_13/Gerakan-minta-UMNO-ketuai-BN-jadi--parti-pelbagai-kaum#ixzz2ZjonZFpD

© Utusan Melayu (M) Bhd